

**PERIKATAN
NASIONAL**

> Tunjang 8

Mengoptimumkan Potensi Wanita



>

Tunjang 8 : Mengoptimalkan Potensi Wanita

1 Memartabatkan wanita sebagai pemangkin kemajuan negara

2 Melindungi wanita sebagai tonggak keluarga sejahtera

1 Memartabatkan Wanita Sebagai Pemangkin Kemajuan Negara

Tawaran :

1. Mengembangkan DanaNita - Wanita Bangkit Berniaga bagi membantu usahanita baharu dengan menyediakan pinjaman tanpa faedah sehingga RM20,000 seorang.
2. Memperkenalkan Agenda Care-Economy khususnya bagi menyelaras sistem penjagaan warga emas, kanak-kanak dan OKU melalui MyPrihatin, termasuk skim untuk meningkatkan profesionalisme pengasuh kanak-kanak.
3. Menyediakan sistem sokongan bagi wanita bekerja dan kembali bekerja, termasuk peruntukan khas penjagaan ibu bapa, dan kemudahan taska di tempat kerja.
4. Memantapkan pelan strategik ke arah mencapai kesaksamaan gender menjelang 2030.
5. Melaksanakan intervensi yang agresif bagi memastikan sasaran sekurang-kurangnya 30% penyertaan wanita dalam jawatan utama di sektor awam dan swasta dicapai menjelang 2025.

6. Mempergiatkan penglibatan wanita dalam industri berteknologi tinggi dan industri masa hadapan.
7. Meningkatkan kadar pelepasan cukai tambahan sebanyak RM1,000 bagi semua wanita bekerja.
8. Meningkatkan peluang penyertaan wanita dalam latihan bidang-bidang kemahiran baharu dan pembangunan profesionalisme bagi mengupayakan mereka untuk mengisi jawatan penyelia di sektor swasta dan memulakan perniagaan.

2 Melindungi Wanita Sebagai Tonggak Keluarga Sejahtera

Tawaran :

- 1. Memuktamadkan segera kajian pindaan perkara 14 (1) (b) Perlembagaan Persekutuan untuk kewarganegaraan anak yang dilahirkan oleh ibu berwarganegara Malaysia dengan suami warganegara asing di luar negara.**
- 2. Meningkatkan kadar Skim Perlindungan Suri Rumah kepada RM800, dengan caruman minimum suri rumah sebanyak RM100.**
- 3. Meningkatkan bilangan hari cuti paterniti kepada 14 hari.**
- 4. Menguat kuasa dan mempercepatkan pelaksanaan Akta Antigangguan Seksual dan penggubalan Rang Undang-Undang Anti-Stalking.**
- 5. Meningkatkan kerjasama dengan pihak berkuasa agama negeri berhubung penguatkuasaan perintah hiwalah (pemindahan hutang) bagi menyelesaikan kes hak wanita dan anak-anak seperti perceraian, ditinggal gantung tanpa tali dan nafkah anak-anak di mahkamah syariah dan sivil.**
- 6. Memperkenalkan Kad Kasih Ibu di peringkat nasional bagi memudahkan pembelian barang keperluan asas.**